

# Warta etak

## warisan negara

Sinar Harian 19/4/2019 m/s 36

**Nilai etak salai sangat tinggi sebagai makanan warisan, tarikan pelancong**

NORHASRAM MOHAMAD

BACHOK

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merancang untuk mewartakan etak salai sebagai warisan negara.

Naib Canselornya, Profesor Dr Noor Azizi Ismail berkata, hal itu akan dirujuk kepada Bahagian Warisan Tidak Ketara (Makanan), Jabatan Warisan Negara.

Menurutnya, hasrat itu dicetuskan UMK selepas mengadakan mesyuarat Pemegang Taruh Etak Salai di UMK, Bachok, semalam.

"Empat fakulti di UMK diketuai Dekan Fakulti Sains Bumi, Profesor Madya Dr Aweng Eh Rak menjalakan penyelidikan mengenai etak salai di Kelantan selama tiga tahun.

"Kita mendapati nilai etak salai sangat tinggi bukan sahaja sebagai makanan warisan, malah sebagai tarikan pelancong," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Karnival Etak Salai Kelantan di UMK Bachok, semalam.

Noor Azizi berkata, pemuliharaan etak perlu dilakukan bagi mengatasi masalah kekurangan moluska bercangkerang dua itu di negeri ini.

Katanya, etak yang ada negeri ini tidak cukup untuk memenuhi permintaan menyebabkan ia dieksport dari negara jiran.

"Sebab itulah perlu ke-

pada kita untuk menjaga habitatnya dan mungkin juga perlu dimasukkan di dalam enakmen Jabatan Perikanan," katanya.

Ketika ini, terdapat tiga pengusaha besar menyalai etak 100 kilogram sehari dan lebih 50 penjual etak salai di Kelantan.

Karnival julung kali diadakan semalam turut memperkenalkan beberapa jenis etak salai kepada orang ramai seperti etak salai cheese, barbeku, tom yam, masin manis dan sira.



Noor Azizi (tengah) melakukan gimik perasmian Karnival Etak Salai Kelantan.



Tiga pengusaha etak membawa jenis etak salai berbeza untuk dinikmati orang ramai.



Orang ramai mendapatkan etak salai percuma pada Karnival Etak Salai Kelantan di UMK Bachok.